

14 APR 1998

AS TIDAK BERHAK KENAKAN SEKATAN, KATA PERANCIS

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perancis bersetuju dengan Malaysia bahawa Amerika Syarikat (AS) tidak mempunyai hak untuk mengenakan sekatan ke atas mana-mana negara yang membuat pelaburan dalam industri gas dan minyak di Iran, kata seorang pegawai kanan Perancis hari ini.

Dalam mengukuhkan pendirian kerajaannya, Menteri Negara Perancis bagi Hal Ehwal Perdagangan Luar, Jacques Dondoux, berkata beliau menentang undang-undang kawasan-tambahan yang menghadkan negara lain menjalankan urusan perniagaan dengan negara ketiga.

Washington mengugut untuk membuat rayuan Undang-Undang d'Amato, yang membenarkan Presiden AS mengenakan sekatan ke atas mana-mana syarikat asing yang melabur lebih AS\$20 juta dalam industri tenaga di Iran dan Libya -- negara-negara yang dituduh menyokong keganasan antarabangsa -- terhadap Paris dan Kuala Lumpur. Ia adalah disebabkan oleh pelaburan di Iran oleh Total S.A. dari Perancis dengan rakan konsortiumnya Gazprom dari Rusia serta Petronas dari Malaysia.

Dondoux berkata undang-undang seumpama itu bertentangan dengan negara-negara berdaulat yang mahu membuka sempadan baru.

"Kami mempunyai pandangan yang sama mengenai perkara ini dengan Malaysia," katanya kepada para pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini hari ini sebelum berlepas ke Indonesia petang ini.

Dondoux juga berkata beliau telah menjemput Dr Mahathir untuk melawat Perancis pada akhir tahun ini bagi mengesahkan hubungan dua hala yang dijalinkan oleh kedua-dua negara. -- BERNAMA

SHO ZK OS